

Jenis Akhbar : Utusan Malaysia

Tarikh : 22/03/2019

Edisi / Muka Surat : Nasional 45

Tajuk : Angkasa Belanja RM3.3j Projek Ternakan Lembu Tenusu

Angkasa belanja RM3.3j projek ternakan lembu tenusu

RAUB 21 Mac - Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa) membelanjakan sebanyak RM3.3 juta bagi melaksanakan projek perintis pengeluaran anak lembu tenusu kacukan Korea Selatan, New Zealand dan Australia.

Presidennya, Datuk Abdul Fattah Abdullah berkata, kerjasama menggunakan teknologi Korea Selatan sejak tahun lepas itu sangat berpotensi untuk mengurangkan 90 peratus kebergantungan terhadap susu import.

Katanya, di bawah projek berkenaan, Korea Selatan membekalkan 1,500 benih spermajantan untuk disenyawakan secara pernian beradas dengan lembu betina baka Australia dan New Zealand bersaiz besar.

"Ketika ini terdapat tiga projek dilaksanakan oleh gerakan koperasi di Mersing, Johor, ladang Londah serta Gadung di Negeri Sembilan yang membatikan ternakan sebanyak 600 ekor.

"Kita bercadang menambah 400 ekor lagi kepada 1,000 ekor baka lembu tenusu yang mem-



ABDUL FATTAH ABDULLAH (empat dari kanan) bersama sebahagian ahli koperasi dalam Program Memperkasa Gerakan Koperasi Angkasa Negeri Pahang Zon 3 di Raub, semalam. - UTUSAN/SALEHUDIN MAT RASAD

babitkan kawasan baharu antaranya di Pahang dan Kedah," katanya selepas merasmikan Program Memperkasa Gerakan Koperasi Angkasa Negeri Pahang Zon 3 di Dewan Pusat Pertanian Pintu Padang di sini hari ini.

Menurut Abdul Fattah, baka lembu Australia dan New Zealand mampu mengeluarkan susu antara 30 hingga 35 liter sehari berbanding baka lembu tempatan hanya lapan hingga 10 liter sehari.

Sebagai sokongan terhadap projek itu, ujarnya, koperasi

digalakkan menanam jagung bijirin khas untuk makanan ternakan lembu yang kini banyak ditanam di Kedah.

"Sebanyak 4,000 hektar diperlukan di seluruh negara bagi tanaman jagung bijirin khas untuk makanan lembu tenusu yang dijalankan secara komersial.

"Gerakan koperasi wajar mengambil peluang ini untuk membuka ladang jagung bijirin bagi menampung keperluan ternakan lembu tempatan dan untuk eksport," katanya.

Perpustakaan Koperasi
Malaysia ANGKASA